

11 MAY 1996

Mahathir - Hasil

RUMUSAN KONVENSYEN BANTU MELAYU MAJU DALAM PELBAGAI BIDANG

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rumusan Konvensyen Ulangtahun Ke-50 Umno akan membantu orang Melayu maju setapak lagi dalam pelbagai bidang kehidupan.

Perdana Menteri yakin mereka akan lebih memahami situasi politik bangsa Melayu dan mengambil pendekatan yang sewajarnya untuk memantapkan lagi kedudukan ekonomi mereka.

"Sememangnya banyak idea yang disuarakan pada konvensyen ini akan membantu kita memenuhi objektif-objektif terutamanya bidang ekonomi bangsa Melayu dan golongan bumiputera," katanya pada persidangan berita di akhir konvensyen sehari itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata rumusan konvensyen itu akan menjadi panduan kepada Umno dan sekaligus kepada kerajaan dalam menentukan arah tuju parti dan bangsa Melayu dalam abad ke-21.

Pembabitan tokoh korporat dan cendekiawan Melayu sebagai pembentang kertas kerja membuktikan kesungguhan Umno untuk melihat bangsa Melayu maju di masa depan terutamanya dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan tanpa mengetepikan nilai-nilai Islam.

Pengerusi Hicom Datuk Seri Yahaya Ahmad membentangkan kertas kerja mengenai ekonomi manakala isu pendidikan dibentangkan Tan Sri Awang Had Salleh. Kertas kerja agama pula disampaikan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) Datuk Dr Ismail Ibrahim.

Dr Mahathir juga mengingatkan setiap anggota dan pemimpin Umno supaya patuh kepada tata etika parti.

"Saya yakin apabila kita mengambil tindakan terhadap pemimpin yang tidak mematuhi peraturan yang dibuat, sedikit sebanyak pemimpin lain akan faham bahawa kita serius dalam melaksanakan etika ini," katanya.

Kepada soalan seorang wartawan asing yang bertanya sama ada beliau akan menerajui Umno memasuki abad ke-21 memandangkan beliau akan memimpin parti sehingga 1999, Dr Mahathir berkata ianya satu kemungkinan tetapi segala-galanya bergantung kepada keadaan.

"Tetapi apa yang pasti ialah pada pemilihan tahun ini, saya akan kekal sebagai Presiden. Apa yang berlaku selepas itu, saya tidak boleh pastikan," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAM AHH